

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**MENGEMBALIKAN KALENDAR AKADEMIK PERSEKOLAHAN  
PADA BULAN JANUARI**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meneliti cadangan untuk mengembalikan kalendar akademik persekolahan kepada Januari seperti sebelum ini. Penelitian ini turut melihat kepada kesesuaian penyediaan kalendar akademik untuk tahun seterusnya bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara optimum.

Pertimbangan KPM adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 yang menetapkan bahawa jumlah hari persekolahan dalam kalendar akademik hendaklah tidak kurang daripada satu ratus sembilan puluh (190) hari. Sehubungan itu, KPM akan melakukan penjajaran kepada jadual peperiksaan awam agar selari dengan perubahan kalendar akademik persekolahan yang akan dilaksanakan.

KPM telah merancang untuk memulakan kalendar akademik persekolahan sesi 2025 pada bulan Februari 2025. Seterusnya, kalendar akademik persekolahan bagi sesi 2026 dapat dimulakan pada bulan Januari 2026.

<b>SESI</b>	<b>PERMULAAN SESI PERSEKOLAHAN</b>
Sesi 2024/2025	Mac 2024
Sesi 2025	Februari 2025
Sesi 2026	Januari 2026

KPM sentiasa memastikan kesejahteraan semua pihak diberi keutamaan bagi mencapai hasrat Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**24 MEI 2023**